

## Wong Wei Pin terima anugerah emas UMP



Kuantan, 18 Nov- Aktif dalam bidang kurikulum tidak menghalang anak seorang pekerja binaan, Wong Fei Pin menerima anugerah pingat Emas Universiti pada Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Graduan Fei Pin,21, yang merupakan graduan ijazah Kelas Pertama dalam Pengajian Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam adalah seorang yang aktif dalam kurikulum seperti Festival Janpu, 'One Village', Malm Kebudayaan Cina dan Exco Kejuruteraan Awam di UMP.

"Saya seronok menyertai bidang kurikulum kerana dapat mengasah kemahiran '*soft skill*' yang ada dalam diri. Apabila menyertai sesuatu aktiviti, sudah pasti akan bertemu dengan ramai orang dan ini secara tidak langsung meningkatkan

kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara analitik. "Sepanjang berada di UMP, apa yang saya dapati universiti ini memberikan persekitaran yang bagus kepada pelajar dengan mewujudkan suasana yang selesa untuk menuntut ilmu.



"Tanya mempunyai sistem yang bagus dan seimbang untuk memastikan semua pelajar menggiatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di samping memfokuskan kepada akademik," kata pelajar yang berasal dari Johor Bahru itu.

Kata anak sulung dari tiga beradik itu, beliau berhasrat untuk menjadi seorang jurutera yang profesional serta dapat menyumbang bakti kepada masyarakat pada masa hadapan. Katanya, beliau turut berasa bertuah kerana bapanya Wong Tet Lin, 51, dan ibunya Leong Mei Lin, 46, sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk terus berjaya dalam kehidupan.

"Saya berharap dapat membalas jasa mereka yang telah banyak berkorban demi memastikan kejayaan saya. Kejayaan pada hari ini adalah hadiah yang istimewa yang mampu diberikan kepada mereka," katanya.

**Disediakan oleh Siti Sarah Mohd Rajimi dari Bahagian Komunikasi dan Korporat dan gambar oleh Naufal (PNC)**

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 23-11-2017, 09:37:31